

12 MAR 2000

Umno-Johor

ENAM BAHAGIAN UMNO DI JOHOR CALONKAN MAHATHIR DAN ABDULLAH

JOHOR BAHRU, 12 Mac (Bernama) -- Kesemua enam bahagian Umno di Johor yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing setakat ini telah mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

Keenam-enam bahagian yang telah mengadakan mesyuarat perwakilan ialah Ledang, Sungai Benut, Senai, Segamat, Tenggara dan Mersing. Umno Bahagian Mersing mengadakan mesyuarat perwakilannya hari ini manakala lima yang lain pada 5 Mac lepas.

Johor mempunyai 20 Umno bahagian dan sebanyak 14 bahagian lagi akan bermesyuarat sehingga akhir bulan ini. Bahagian Bakri akan bermesyuarat pada 18 Mac.

Empat bahagian lagi iaitu Johor Baharu, Gelang Patah, Parit Sulong dan Sri Gading akan bermesyuarat pada 19 Mac manakala pada 26 Mac, sembilan bahagian akan bermesyuarat iaitu Pulai, Pagoh, Tebrau, Kluang, Labis, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kota Tinggi.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat pencalonan daripada keenam-enam bahagian yang telah bersidang.

Abdul Ghani, Pengerusi Perhubungan Umno Johor adalah antara tiga tokoh Umno dari Johor yang telah menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Dua yang lain ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Syed Hamid ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Johor dan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi manakala Muhyiddin Ketua Umno Bahagian Pagoh.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam masing-masing mendapat dua pencalonan. Osu mendapat pencalonan dari Bahagian Senai dan Tenggara manakala Mohamed Isa dari Bahagian Segamat dan Bahagian Mersing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar masing-masing mendapat satu pencalonan.

Dr Rais mendapat pencalonan dari bahagian Sungai Benut manakala Abu Hassan bahagian Ledang.

-- BERNAMA

MKO LAT